

KES SERANGAN TERHADAP KEDAI KK MART

Dalam Islam, dosa jenayah dan juga maksiat bukan sahaja ditanggung oleh pelaku sebenar sahaja, tetapi juga oleh mereka yang menjadi penyebab الجناية بالتسبب dan yang menyokong serta bersimpati dengannya. Dalam kes yang dibicarakan ini, serangan terhadap kedai KK Mart berlaku disebabkan seruan memboikot terhadapnya. Memang setiap orang bebas membeli atau tidak membeli di mana-mana kedai yang ia suka. Tetapi seruan boikot mengandungi unsur-unsur permusuhan dan kebencian. Unsur-unsur ini terus memarak hingga membawa kepada tindakan ganas dengan melakukan serangan. Sebelum ini tiada serangan berlaku dan setiap orang bebas membeli di mana-mana kedai yang mereka suka.

Dalam sebuah Hadis riwayat Abu Daud, Rasulullah bersabda:

من آذى ذمياً فأنا خصمه ومن كنت خصمه خصمته يوم القيامة

Maksudnya: Sesiapa yang menganiaya warga bukan muslim maka aku akan menjadi pendakwanya; dan sesiapa yang aku dakwa, pasti aku kalahkan dia di hari kiamat .

Dalam hadis yang lain Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

من آذى ذمياً فقد آذاني

Maksudnya: Sesiapa yang menyakiti warga bukan muslim maka sesungguhnya dia telah menyakiti aku.

Ungkapan-ungkapan "Akulah pendakwanya" dan "seperti ia menyakiti Aku" tidak pernah disebut pada dosa-dosa lain. Ini menunjukkan bahawa sebarang tindakan zalim dan tidak adil terhadap warga bukan muslim adalah merupakan dosa besar. Maka dalam kes serangan terhadap KK Mart ini, terdapat tiga golongan akan "share pahala", iaitu; penyeru kepada boikot, pelaku hakiki, mereka yang menyokong dan juga yang bersimpati dengannya. Alangkah ramainya! Apa nak dihairankan, Allah Ta'ala telah berfirman surah al-An'am ayat 116:

وَإِنْ تُطِيعُوا أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ لِيُضِلُّوكُمْ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: Dan jika kamu ikut kebanyakan mereka di bumi ini, pasti mereka akan menyesatkan kamu daripada jalan Allah".

Daripada sini, para mubaligh yang menyampaikan kebenaran tidak sama sekali menghiraukan maki hamun netizen, kerana mereka yakin kenyataan Al-Quran bahawa kebanyakan netizen di muka bumi ini jahil dan sesat. Yang mereka perhatikan ialah keredaan Allah dan RasulNya.

Ada lagi perkara berat dalam kes ini, iaitu memberi fatwa tanpa ilmu. Dalam Hadis riwayat Ibnu 'Asakir, Rasulullah bersabda:

من أفتى بغير علم لعنته ملائكة السماء والأرض

Maksudnya: Sesiapa yang memberi fatwa tanpa ilmu, ia akan dilaknat oleh Malaikat di langit dan di bumi.

Senario kes ini menjadi begini: Fatwa Pakar Penyakit vs Fatwa Rasulullah dan Ulama'. Dalam kenyataan Mufti Perak terdapat petikan-petikan daripada hadis-hadis dan pandangan ulama Azhar. Namun netizen tetap memilih fatwa pakar penyakit. Di sini terserlah mukjizat Al- Quran ayat 16 surah Al-An'am yang menyatakan kebanyakan netizen di muka bumi ini tersesat daripada jalan Allah.

Maka sekali lagi tiga golongan yang disebut di atas akan merasai celaan dari malaikat di langit dan di bumi. Jika diteliti, golongan ini bukan sahaja tersesat di jalan akhirat, tetapi juga dalam kehidupan duniawi. Mereka lupa bahawa kos perbelanjaan anak- anak di sekolah hingga ke universiti, perubatan di hospital, polis tentera dan perkhidmatan awam yang lain adalah daripada cukai yang dibayar oleh peniaga-peniaga. Ramaiakah orang Islam yang berjaya dalam perniagaan berbanding dengan bukan muslim? Satu lagi yang golongan ini lupa ialah: daripada pemerhatian kasar, sekitar 80 peratus pekerja KK Mart terdiri daripada orang Islam. Daripada sinilah nafkah diri mereka, anak isteri serta ibu bapa yang telah tua. Jika KK Mart tutup, maka para pekerja muslim akan kehilangan sumber rezeki yang menampung diri dan tanggungan mereka. Sekali lagi golongan tiga serangkai tadi akan dipertanggungjawabkan terhadap kehilangan punca rezeki golongan pekerja di atas. Hendaklah diingat, dalam perjuangan, ilmu dan hikmah harus memimpin; bukan semangat berkobar-kobar tanpa berlandaskan ilmu dan pertimbangan yang berteraskan penyelidikan yang bersifat ilmiah serta fakta-fakta yang boleh dipertanggungjawabkan.

اللهم أرنا الحق حقا وارزقنا اتباعه, وأرنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه

“Ya Allah, Perlihatkan kepada kami perkara yang benar itu sebagai benar, dan berikan taufiq kepada kami untuk mengikutinya; dan perlihatkan kepada kami perkara yang batil itu sebagai batil, dan berikan taufiq kepada kami untuk menjauhinya”.

كتبه الفقير إلى مغفرة ربه سيد حسين ذو الفقار الأزهري